

01 JUN 2002

Mahathir-MRSM (Bergambar)

MRSM UNTUK SEMUA KAUM BUKAN PERKARA BARU, KATA PM

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pembukaan pintu Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) kepada semua kaum bukanlah satu perkara baru kerana sebelum ini memang wujud peruntukan untuk itu.

Bagaimanapun beliau tidak mengetahui siapa yang memberhentikan peraturan membenarkan pelajar bukan Bumiputera daripada melanjutkan pelajaran mereka di MRSM, katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan pengawal peribadinya Ismail Manaf di Taman Puchong Intan dekat sini.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang menyatakan MRSM akan memperuntukkan kuota 10 peratus kemasukan pelajarinya kepada bukan Bumiputera berikutan keputusan kabinet mengenai perkara itu.

Dr Mahathir berkata: " Bagilah mereka (pelajar bukan Bumiputera) masuk. Tak apa.

"Sudah lama dulu kita (kerajaan) bagi masuk, siapa yang stop (memberhentikannya) tidak tahulah," katanya.

Beliau berkata apa yang dilakukan pada masa ini hanya meneruskan apa yang sudah diadakan sejak MRSM diwujudkan dalam tahun 1970an untuk membantu pelajar luar bandar mengikuti aliran sains.

Kini terdapat 32 buah MRSM yang berkonsepkan sekolah berasrama penuh di seluruh negara yang dikendalikan Mara dengan pengambilan 3,000 hingga 4,000 pelajar setahun. Setiap maktab kini mempunyai purata pelajar 750 orang.

Menjawab mengenai integrasi di kalangan pelajar, Perdana Menteri berkata beliau tidak melihat wujudnya masalah kerana kini sudah ramai anak Melayu belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) tanpa memerlukan kerajaan memaksa mereka.

Ditanya bagaimana pula dengan konsep Sekolah Wawasan yang mendapat tentangan daripada sekumpulan masyarakat Cina, Dr Mahathir berkata yang menolak itu hanya satu kumpulan yang ekstremis, bukan semua.

Sekolah Wawasan yang bertujuan menempatkan tiga jenis sekolah - SRJK(C), SRJK (Tamil) dan Sekolah Kebangsaan - dalam satu kompleks yang berkongsi kemudahan dan kawasan, telah mendapat tentangan daripada Persatuan Jawatankuasa Sekolah Cina Bersatu Malaysia dan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Bersatu Malaysia atau "Dong Jiao Zong" sebelum ini.

Sementara itu Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali turut merenjis air mawar kepada pasangan pengantin Zalindawati Ismail, 25 dan Mohamed Rizal Idris, 28, kedua-duanya kakitangan Arab Malaysian Bank Bhd.

-- BERNAMA

HK AKT RON